

10/02/1998

Setengah bahagian perlu tukar pemimpin

SEREMBAN, Isnin - Pergerakan Pemuda Umno mahu pertandingan di peringkat bahagian dibenarkan sekiranya kawasan berkenaan memerlukan perubahan untuk kebaikan parti.

Sambil memberikan sokongan kepada saranan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya tidak ada pertandingan peringkat bahagian, Pemuda mahu pengecualian, terutama kepada pemimpin Pemuda yang terpaksa melepaskan jawatan kerana sudah melebihi had umur.

Ketua Pemuda, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, berkata saranan itu tidak sepatutnya menghalang mana-mana bahagian yang memerlukan perubahan untuk kebaikan parti.

Katanya, adalah tidak praktikal untuk mengumumkan seseorang itu tidak boleh ditandingi, terutama jika perubahan kepemimpinan diperlukan.

"Saya percaya dengan apa yang Dr Mahathir katakan, tetapi kita mesti melihat kehendak akar umbi peringkat bahagian. Kekuatan pemimpin adalah hasil sokongan akar umbi," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas menghadiri majlis Aidilfitri anjuran Umno bahagian Seremban di sini, malam tadi, katanya Pergerakan Pemuda bersikap terbuka dalam perkara itu.

"Bekas pemimpin Pergerakan Pemuda perlu diberi peluang bertanding kerana Pergerakan Pemuda berbeza dengan Pergerakan Wanita yang tidak mempunyai batasan usia untuk memegang jawatan," katanya.

Katanya, oleh kerana usia anggota Pergerakan Pemuda semakin meningkat, mereka sebenarnya mahu menawarkan diri bertanding di peringkat bahagian, tetapi tidak semestinya jawatan tertinggi.

"Adalah lebih praktikal memberi mereka peluang bertanding sekurang-kurangnya di peringkat jawatankuasa bahagian. Jika tidak, bakat dan potensi mereka sebagai pemimpin pada masa depan akan luntur," katanya.

Ahmad Zahid berkata, sekurang-kurangnya 40 hingga 50 peratus anggota Pergerakan Pemuda yang mencapai had umur sebagai anggota perlu diberi peluang meneruskan kesinambungan kepimpinan.

"Saya berpendapat adalah adil anggota pergerakan diberi peluang untuk meneruskan perkhidmatan di peringkat lebih tinggi," katanya.

(END)